



BERSAMA KAUNSELOR

Pn Siti Fatimah Abdul Ghani
Kaunselor Berdaftar
Seksaan Kaunseling
Pelajar, Universiti
Putra Malaysia

Bercinta dengan SUAMI ORANG

Gadis takut keluarga halang hubungan



? Saya baru berusia 18 tahun dan bekerja sebagai pembantu klinik. Meskipun usia masih muda dan ramai antara kawan saya masih belajar, disebabkan ekonomi keluarga tidak menentu, saya memilih untuk bekerja bagi meringankan beban ahli keluarga yang ramai.

Masalah saya ialah jatuh cinta dengan suami orang. Saya memang akur yang kekasih adalah suami orang, namun perasaan sayang dan kasih terhadapnya sangat kuat. Dia baik, penyayang dan suka mengambil berat mengenai saya.

Saya khuatir, jika saya beritahu keluarga, mereka akan marah dan tidak mengizinkan saya meneruskan perhubungan ini.

Saya pernah berbincang dengan kekasih, namun katanya dia memang benar-benar ikhlas untuk memperisterikan saya. Dia berjanji untuk menjaga dan tidak akan mengecewakan saya.

Namun, saya juga takut jika niat untuk berkahwin ini tidak direstui keluarga dan mungkin akan memberi masalah pada masa depan. Apa yang harus saya lakukan untuk mengatasi masalah ini?

BINGUNG, Kedah

! Terima kasih kerana sudi berkongsi masalah ini. Ternyata kemelut ini membabitkan diri adik

dengan keluarga terutama kekasih.

Fokus yang boleh dibincangkan ialah mengenai kebarangkalian yang mungkin timbul ekoran daripada situasi di atas.

Pertama, kemusykilan reaksi keluarga sekiranya adik berterus terang hasrat untuk berkahwin dengan kekasih yang juga suami orang.

Kekhuatiran adik terarah kepada penerimaan keluarga yang mungkin ti-

dak bersetuju atau menentang perhubungan ini.

Adik khuatir jika mereka tidak mengizinkan untuk meneruskan perhubungan.

Apa yang dapat diperkatakan ialah selagi tidak berterus terang, pasti adik tidak akan mengetahui sejauh mana reaksi keluarga.

Namun, jika ingin berterus terang, ada beberapa perkara yang perlu diberi perhatian iaitu kesediaan dalaman untuk berani ber-

bincang, kesesuaian masa dan tempat serta keadaan emosi keluarga.

Selain itu, cara penyampaian seperti intonasi suara, pemilihan ayat serta kaedah penyampaian juga perlu diberi perhatian.

Jika adik mempunyai sesiapa dalam kalangan ahli keluarga yang juga mengetahui hasrat ini, maka boleh menggunakan orang tengah sebagai penyampai.

Peranan orang tengah

mungkin dapat meredakan kerisauan adik untuk berterus terang secara bersemuka dengan ahli keluarga.

Keduanya, jika benar-benar berhasrat untuk berbincang dengan keluarga, sebaiknya adik juga berbincang dengan teman lelaki terlebih dulu memandangkan si dia mungkin pernah melalui episod sebegini ketika mula berbincang untuk perkahwinan yang pertama. Sekiranya,

si dia benar-benar ikhlas untuk memperisterikan adik, pastinya elemen tanggungjawab dan peranan serta tindakan perlu difahaminya.

Si dia juga perlu sedar akan sebarang risiko yang mungkin timbul terutama membabitkan isteri pertama serta keluarga.

Yang paling ketara di sini ialah statusnya sebagai suami orang, maka komitmen untuk meneruskan hasrat pernikahan yang kedua perlu diperincikan sebaiknya agar tidak berlaku perkara bertentangan dengan agama serta undang-undang.

Meskipun si dia berjanji untuk menjaga adik sepenuh hati, ia hanya diluahkan tanpa asas yang boleh adik yakini.

Justeru, perbincangan yang baik dan penuh tertib perlu dilakukan antara adik dan kekasih.

Langkah ini adalah asas untuk menyatukan rasa hati dan tanggungjawab sebelum setiap pasangan itu berumah tangga.

Jika teras utama ini pun sudah gagal, maka adik perlu lebih berhati-hati dengan setiap tindakan yang bakal diambil. Paling tidak, sudah mempersiapkan diri untuk sebarang risiko dan halangan.

Ketiganya, adik sendiri perlu bersedia dari segi emosi dan spiritual sebarang kemungkinan yang boleh muncul dalam kehidupan serta perhubungan ini.

Yang penting, perbincangan dengan keluarga perlu dilakukan agar mendapat keputusan bersama kerana perkahwinan sesuatu yang indah. Seharusnya, ia perlu dirancang dan dilakukan secara penuh hikmah.